

Surat khabar: Utusan Sarawak (Stail)

Hari/Tarikh: 27/5/2016

Muka surat: m2

Tajuk : Program kemahiran dan kerjaya UNIMAS

Program kemahiran dan kerjaya Unimas

MAJLIS Perasmian Program Kemahiran Dan Kerjaya 2016, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan serta Perancangan Program Apprenticeship telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot di Kampung Pichin, Serian, baru-baru ini. Program itu merupakan

program anjuran bersama Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Yayasan Serian.

Turut hadir pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabang-

sa), Profesor Dr. Wan Ibrahim Wan Hashim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman dan wakil daripada jabatan kerajaan dan swasta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam program berkenaan.

Terdapat tiga program utama

dirancang dan akan dijalankan iaitu Program Kemahiran dan Kerjaya, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan dan Majlis Pelancaran Program Apprenticeship.

Program Kemahiran dan Kerjaya 2016 diadakan pada 21 Mei.

Manakala, Program Kesukarelawan dan Kemasyarakatan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula pada 20 Mei dan berakhir pada 22 Mei.

Program Kemahiran dan Kerjaya 2016 adalah bertujuan memberi pendedahan berkaitan kerjaya mahir yang diperlukan di dalam pembangunan di Negeri Sarawak.

Selain daripada itu, pelbagai agensi dan jabatan yang berkaitan akan turut serta untuk membantu melalui penglibatan mereka di dalam Pameran Kemahiran dan Kerjaya.

Program ini juga memberi pendedahan kepada golongan belia tentang peluang pekerjaan, petua mencari pekerjaan dan juga memberi motivasi kepada para belia tentang kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka.

Program ini dibahagikan kepada dua aktiviti iaitu sesi ceramah dan sesi bengkel.



RICHARD (empat dari kanan) dan Prof Wan (tiga dari kanan) merasmikan Program Kemahiran dan Kerjaya 2016.

Sesi ceramah dikhususkan kepada para remaja, lepasan sekolah dan pelajar menengah atas.

Manakala, sesi bengkel Mind Mapping dikhususkan kepada para guru dan pelajar sekolah rendah.

Program Kesukarelawan dan Program Kemahiran akan melibatkan mahasiswa Unimas yang tinggal bersama 20 keluarga angkat di Kampung

Pichin semasa program berkenaan berlangsung.

Ia bertujuan untuk mereka mendekat diri dan memupuk semangat tanggungjawab kepada komuniti melalui Program Keluarga Angkat, gotong-ro-yong, bengkel bersama pelajar sekolah dan sebagainya.

Program Apprenticeship merupakan inisiatif Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk memberi kursus dan latihan di indus-

tri yang dikenal pasti kepada 80 orang belia tempatan dari daerah Serian.

Selepas sesi perasmian, tetamu kehormat telah mengadakan lawatan ke booth pameran yang menyediakan aktiviti seperti demo pendawaian, robo-tik, proses kimia dan sebagainya.

Pameran ini diadakan bertujuan untuk memupuk minat belia kepada bidang sains dan teknologi.



RICHARD melawat ke booth pameran yang disediakan.